



11 MAR, 2026

Sektor tenaga, logistik berdaya tahan

Kosmo, Malaysia



Sektor tenaga, logistik berdaya tahan

- **TNB, PTG miliki pendedahan minimum**
- **YTL Power peroleh manfaat jika harga gas naik**

PETALING JAYA – Firma penyelidikan pasaran, RHB Research berpandangan sektor tenaga merupakan pilihan defensif dalam keadaan ketegangan geopolitik berpanjangan, memandangkan prestasi pendapatannya yang lebih stabil, selain kurang terdedah kepada risiko luar negara.

Katanya, syarikat utiliti bermodal besar seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Petronas Gas Berhad (PTG) mempunyai pendedahan yang minimum kepada faktor bukan domestik seperti turun naik kos bahan api, operasi luar negara serta pergerakan mata wang asing.

“Selain itu, rangka kerja kawal selia yang sedia ada membantu memastikan pendapatan lebih stabil, dengan pulangan dividen sekitar empat hingga lima peratus.

“Sementara itu, YTL Power (YTLP) berpotensi mendapat manfaat sekiranya harga gas meningkat kerana keadaan tersebut boleh meningkatkan ‘spark spread’ (perbezaan antara kos



SYARIKAT utiliti tempatan dalam sektor tenaga dilihat memiliki kelebihan sekiranya krisis geopolitik di Asia Barat berlanjutan. – GAMBAR HIASAN

bahan api dan harga jualan elektrik).

“Bagi TNB dan PTG pula, mekanisme pemindahan kos dalam

perniagaan yang dikawal selia membolehkan sebarang perubahan kos disalurkan semula, sekali gus menjadikan kesannya ter-

hadap pendapatan bersifat neutral,” katanya dalam nota kajian semalam.

RHB Research mengekalkan

penarafan ‘overweight’ bagi sektor tenaga secara keseluruhan, dengan TNB kekal sebagai pilihan utama memandangkan kedudukannya sebagai penerima manfaat utama daripada Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Kebangsaan (NETR), yang bertujuan mempercepat peralihan tenaga negara.

Berhubung sektor logistik, firma berkenaan menyatakan syarikat logistik berpotensi mendapat manfaat sekiranya kadar tambang penghantaran meningkat, memandangkan kenaikan kos bahan api lazimnya dipindahkan kepada pelanggan akhir melalui mekanisme caj tambahan bahan api, sekali gus membantu mengekalkan margin operasi.

Setakat minggu lalu, kadar tambang penghantaran global dilaporkan kekal mendatar di kebanyakan laluan utama, kecuali laluan Shanghai - New York dan Shanghai - Los Angeles, berdasarkan indeks Drewry World Container.

“Selain itu, pendedahan langsung pemain logistik tempatan kepada rantau Asia Barat juga terhad.

“Jumlah penghantaran ke rantau tersebut dianggarkan menyumbang kurang daripada dua peratus daripada keseluruhan volum penghantaran, sekali gus mengurangkan risiko gangguan operasi sekiranya ketegangan geopolitik berlanjutan,” katanya.